



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)

SIARAN MEDIA

KELULUSAN SEGERA PERUNTUKAN TITIAN KAMPUNG SELAMAT LOK URAI, PULAU GAYA, SABAH: MANIFESTASI KEPRIHATINAN KERAJAAN MADANI TERHADAP KESELAMATAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 24 APRIL 2026 – Keselamatan dan kualiti hidup rakyat kekal menjadi keutamaan Kerajaan MADANI, dengan komitmen memastikan tiada komuniti terpinggir daripada menikmati kemudahan asas yang selamat. Susulan insiden titi roboh di Kampung Selamat Lok Urai, Pulau Gaya, Sabah pada **22 Mac 2026** (2 Syawal 1447H) yang mengakibatkan beberapa penduduk terjatuh ke laut ketika ziarah Aidilfitri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan khas sebanyak **RM300,000.00** bagi pembinaan semula struktur tersebut.

Keputusan pantas ini mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap kesulitan yang dihadapi penduduk setempat serta keutamaan yang diberikan kepada aspek keselamatan awam. Peruntukan yang diluluskan akan digunakan sepenuhnya untuk membina semula titian pejalan kaki yang lebih kukuh dan selamat, sekali gus menggantikan struktur lama yang uzur dan berisiko.

Pelaksanaan projek ini akan dipantau oleh ICU JPM Negeri Sabah bagi memastikan ia disiapkan segera demi kemudahan penduduk. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai Ihsan dan Kesejahteraan, di samping memperkukuh pembangunan infrastruktur inklusif.

###

Unit Komunikasi Korporat dan Media
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)
Emel : pertanyaan@icu.gov.my
No rujukan : ICUJPM.100-9/1/4 (8)